



Serangan Seksual

Di Australia, menyerang seseorang secara seksual menyalahi undang-undang.

Seseorang yang melakukan serangan seksual boleh dijatuhkan hukuman penjara, tidak kira sama ada mereka lelaki mahupun wanita.

Sekiranya anda mengenali sesiapa dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit, hubungi 1800RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

Kerajaan Australia (Australian Government) tidak bertolak ansur terhadap serangan seksual dalam apa jua keadaan.

Serangan seksual ditujukan kepada orang lain tanpa keizinan mereka. Serangan seksual terhadap pasangan, suami atau isteri atau ahli keluarga menyalahi undang-undang.

Serangan seksual boleh merangkumi:

- memaksa seseorang melakukan hubungan seks atau perbuatan seksual;
- memaksa seseorang menonton pornografi, atau
- mengadakan hubungan seks atau melakukan perbuatan seksual dengan kanak-kanak.

Wanita mempunyai hak yang sama seperti lelaki.

Undang-undang di negara Australia melayan kaum wanita dan lelaki secara saksama.

Semua orang berhak mengalami perhubungan yang positif dan selamat bersama keluarga, kawan-kawan serta orang yang mereka sayangi. Keganasan adalah salah sama sekali. Tiada sesiapa pun seharusnya menerima layanan yang buruk atau terdedah kepada bahaya.

Di Australia terdapat perkhidmatan peka budaya yang dapat membantu.

1800RESPECT ialah perkhidmatan kaunseling bagi serangan seksual dan keganasan keluarga dan rumah tangga kebangsaan Australia (Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi **tapak web 1800RESPECT** di **www.1800RESPECT.org.au**.

Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, walau bagaimanapun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit.